

DATE: 6 / 11 / 2008

Pulih krisis misi utama Obama: PM

Presiden AS diharap bawa era baru

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata dunia menaruh harapan tinggi kepada Barack Obama yang memenangi pemilihan sebagai Presiden Amerika Syarikat pada pilihan raya Presiden semalam, mampu mencari jalan penyelesaian terhadap krisis ekonomi dunia.

Beliau berkata, Obama sebagai pemimpin kuasa besar dunia juga perlu memberi perhatian segera bagi memberi perubahan positif terhadap keadaan yang berlaku di Iraq, Afghanistan, Palestin dan juga di Iran.

"Semua orang bercakap mengenai krisis ekonomi yang berpunca dari Amerika Syarikat. Saya berasa itulah sepatutnya keutamaan serta merta beliau," kata Abdullah pada sidang-media di pejabatnya di Bangunan Parlimen, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya pemberita terhadap keutamaan yang perlu dilakukan Obama selepas dilantik sebagai Presiden Amerika Syarikat.

Abdullah juga mengucapkan tahniah terhadap pemilihan Obama sebagai Presiden Amerika Syarikat ke-44 yang mencatat sejarah sebagai lelaki kulit hitam pertama menjadi Presiden negara itu.

"Saya ingin menyatakan

bahawa semua rakyat Malaysia gembira kerana Amerika Syarikat kini mempunyai Presiden Obama," katanya.

Perdana Menteri berharap pemilihan Presiden baru Amerika Syarikat itu akan membawa era baru bagi mewujudkan hubungan yang Amerika Syarikat dengan berpegang kepada prinsip saling hormat menghormati kedaulatan negara masing-masing.

Abdullah berkata, kini sudah wujud harapan dan jangkauan yang tinggi di seluruh dunia supaya Obama menyediakan penyelesaian kepada beberapa isu panas yang mendesak dunia kini, termasuk krisis kewangan.

Katanya, ketika ini, dunia memandang Obama dengan begitu optimis yang beliau akan menyelesaikan kemelut dunia seperti masalah eko-

“Kini sudah wujud harapan dan jangkauan yang tinggi di seluruh dunia supaya Obama menyediakan penyelesaian...

**Abdullah Ahmad
Badawi**
Perdana Menteri



ABDULLAH pada sidang media di Bangunan Parlimen, semalam.

nomi dan isu yang melanda beberapa negara Islam seperti Iraq, Afghanistan, Palestin sejak sekian lama diharap memperoleh sinar baru dengan pemilihan Obama.

"Saya pasti jika beliau memberi tumpuan untuk menyelesaikan perkara berkenaan, beliau akan memperoleh sokongan daripada komuniti global," katanya.

Ditanya sama ada Obama dapat bekerjasama dengan negara Islam bagi menyelesaikan krisis di dunia, Perdana Menteri berkata, beliau berharap, Obama dapat mengadakan hubungan dengan semua pihak.

"Beliau boleh melakukan perkara ini jika dia mahu dan saya berharap beliau akan berbuat demikian.

"Jika beliau tidak bekerjasama dengan negara Islam, ia akan mewujudkan imej negatif kepadanya dan ini tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Setiap penyelesaian memerlukan individu yang ingin menjadi pendamai, bersikap adil dan tidak menyokong pada satu pihak

saja," katanya.

Abdullah juga ditanya sama ada Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum seperti Amerika Syarikat, mampu melahirkan Perdana Menteri selain daripada kaum Melayu, Abdullah berkata, ia bergantung kepada rakyat.

"Ini boleh menjadi hakikat di mana saja kerana ia bergantung kepada rakyat yang menentukan. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat kini bukan ditentukan Washington atau mana-mana kumpulan, tetapi oleh rakyat," katanya.

Sementara itu, dalam satu isu lain, Abdullah menyifatkan tindakan pembangkang keluar dari Dewan Rakyat kelmarin ketika Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Razak, menggulung perbincangan Bajet 2009, sebagai lari daripada tanggungjawab terhadap rakyat.

Beliau berkata, perbincangan Bajet 2009 adalah keutamaan besar yang perlu diberi perhatian oleh setiap Ahli Parlimen seperti yang diamanahkan rakyat.